

01/10/2000

Malaysia kecam globalisasi Barat

d Fuad Razali; Mona Ahmad; Azrina Ahzan

KUALA LUMPUR: Malaysia menentang konsep globalisasi Barat yang boleh menyebabkan negara miskin kehilangan kuasa terhadap ekonomi dan dasar mereka sendiri, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Dalam proses itu, kami akan kehilangan kedaulatan kami, kuasa kami terhadap dasar kami sendiri, ekonomi kami... dan disebabkan inilah Malaysia menentang bentuk globalisasi sedemikian," kata Perana Menteri.

Ketika menjawab soalan pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Panduan Haji yang pertama di sini, Dr Mahathir berkata, globalisasi pada asasnya ialah satu rekaan negara kaya di Barat.

Negara itu, katanya akan menjustifikasinya dengan berkata disebabkan komunikasi yang bertambah baik dari segi pengedaran dan pergerakan maklumat, modal dan kepandaian mereka akan dilaburkan di negara miskin untuk mengkayakan mereka (negara miskin).

Beliau berkata pada mulanya Malaysia memikirkan mengkayakan negara miskin adalah mesej sebenar globalisasi tetapi dipaksa mengkajinya semula ketika ia melalui tempoh sukar selepas Barat menarik keluar modal mereka dan ringgit Malaysia turun nilai.

Ditanya mengenai nasihat beliau kepada negara Islam dalam menghadapi cabaran dan kesan era globalisasi, Dr Mahathir berkata:

"Malaysia membuat pendirian itu selepas melalui pengalaman sukar apabila Barat menarik keluar modal mereka hingga menyebabkan nilai ringgit Malaysia menurun atas alasan modal dalam dunia globalisasi boleh merentasi sempadan tanpa sebarang sekatan daripada mana-mana kerajaan.

Bagaimanapun, selepas mengkaji semula konsep globalisasi yang diperkenalkan Barat, Malaysia mendapati proses berkenaan akan menyebabkan negara ini kehilangan kedaulatan serta kekuasaan ke atas dasar serta ekonomi sendiri.

Dr Mahathir berkata, Barat bagaimanapun tidak menerima cadangan dalam dunia globalisasi rakyat daripada negara lain juga sepatutnya lebih bebas bergerak tanpa sekatan atas alasan hanya wang dan modal mereka patut dibenarkan melepasi sempadan, bukannya penduduk daripada negara miskin pergi ke negara kaya.

Sehubungan itu, katanya, negara Barat menentang cadangan kemungkinan kira-kira 300 juta warga China dan 200 juta rakyat India patut dibenarkan berhijrah ke Eropah.

"Kami berkata, wang adalah modal mereka, tetapi bagi kami, rakyat adalah modal. Jadi adakah mereka terima jika tiada lagi sempadan, rakyat sepatutnya lebih bebas bergerak tanpa sekatan... bukan semata-mata wang.

"Itulah globalisasi kerana tiada lagi terdapat sempadan, tetapi mereka kata, tidak, hanya modal. Sebab itulah kami menentang," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia akan terus mengingatkan masyarakat Islam seluruh dunia mengenai pentingnya bersikap bertanggungjawab sesama umat Islam lain.

Langkah itu perlu memandangkan umat Islam kini sentiasa mencari alasan untuk saling bergaduh dan bermusuhan, katanya.

"Apa yang Malaysia cuba lakukan adalah mengingatkan diri kita bersaudara, dan kita bertanggungjawab menyayangi saudara kita sendiri. Sebab itulah Malaysia bersedia menghantar tentera ke Bosnia Herzegovina beberapa tahun lalu ketika wilayah Balkan dalam keadaan huru hara.

"Malaysia bersedia menghantar pasukan tentera kerana kita berasakan ia adalah tanggungjawab kita yang perlu ditunaikan untuk saudara (Islam)

kita," katanya pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Panduan Haji pertama di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas ucapannya terdahulu yang mengkritik umat Islam kerana berpecah dan sanggup berbunuhan sesama mereka.

(END)